

30 JUN 2000

MT-Lantik

DUA MENTERI BESAR TIDAK DILANTIK SEMULA DALAM MT UMNO

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad tidak dilantik semula sebagai anggota Majlis Tertinggi Umno manakala Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad adalah antara muka baru yang dilantik.

Tiga menteri besar merupakan antara 10 orang anggota MT yang dilantik yang diumumkan dalam satu kenyataan oleh Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob petang ini.

Mereka ialah Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim dan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Osu Sukam.

Bekas ketua pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman merupakan antara tiga orang daripada Pergerakan Wanita Umno yang dilantik sebagai anggota MT, menurut kenyataan itu yang dibacakan oleh Setiausaha Kerja Umno Tengku Datuk Adnan Tengku Mansor di ibu pejabat Umno.

Dua orang lagi daripada Wanita Umno yang dilantik ialah Dr Norraesah Mohamad yang merupakan Pengerusi Bank Rakyat dan ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negara, dan peguam Azlina Othman.

Tiga lagi anggota MT yang dilantik ialah bekas timbalan menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Idris Jusoh, Tengku Razaleigh Hamzah dan Ketua Penerangan Pemuda Umno, Azimi Daim.

Tengku Adnan juga membacakan senarai nama pengerusi dan timbalan pengerusi badan perhubungan Umno negeri.

Khalil dilantik semula Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang manakala Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, yang sebelum ini memegang jawatan pengerusi, dilantik sebagai timbalan pengerusi.

Beliau merupakan satu-satunya menteri besar daripada Umno yang tidak dilantik sebagai pengerusi Perhubungan Umno Negeri.

Pengguguran Adnan tidak memmeranjatkan kerana Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah berkata bahawa menteri besar dan ketua menteri tidak semestinya dilantik pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Turut diturunkan pangkat ialah Datuk Suleiman Mohamed yang sebelum ini pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan. Beliau dilantik sebagai timbalan pengerusi dan tempatnya diambil alih oleh Tengku Adnan.

Dua Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin masing-masing dilantik timbalan pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri

-- Muhammad di Selangor manakala Muhyiddin di Johor.

Abu Hassan dan Abdul Ghani dilantik semula menjadi pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri masing-masing bagi Selangor dan Johor.

Shahidan, Isa, Osu dan Ketua Menteri Melaka Datuk Mohamad Ali Rustam dilantik semula Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri masing-masing.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu manakala pengerusi yang lama, Tan Sri Ramli Ngah Talib yang berpindah ke pusat sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan, dilantik sebagai timbalan pengerusi.

Bekas Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin yang turut berpindah ke pusat sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, turut dilantik sebagai timbalan pengerusi Umno negeri Melaka.

Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, menggantikan Tengku Razaleigh manakala Datuk Annuar Musa kekal sebagai timbalan pengerusi Umno negeri itu.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid dilantik sebagai timbalan pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis manakala Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus dilantik sebagai timbalan pengerusi Badan

Perhubungan Umno negeri Negeri Sembilan.

Jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang dan Terengganu terus dipegang oleh Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Dr Hilmi Yahya dan bekas Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Idris Jusoh, masing-masing dilantik timbalan pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Pulau Pinang dan Terengganu.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dilantik Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah manakala Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman sebagai timbalan pengerusi.

Ketua Umno bahagian Kota Belud, Sabah, Datuk Mohd Salleh Said Keruak pula dilantik sebagai timbalan pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah.

-- BERNAMA

ARA ZS NMO